



KENYATAAN MEDIA BUKU BARU TERBIT

Saya, Sherlock dan Lupin (Wanita Berkelubung Hitam)

Para peminat filem dan novel siri Sherlock Holmes di Malaysia khususnya pasti teruja menantikan sebuah bahan bacaan terjemahannya diterbitkan. Sebagaimana yang diketahui, siri Sherlock Holmes ini mempunyai pembacanya yang ramai di seluruh dunia. Justeru itu, PTS Media Group mengambil satu inisiatif dengan menterjemahkan siri novel popular ini ke dalam Bahasa Melayu. Ini bagi mengubat kerinduan para peminatnya di Malaysia dan membolehkan mereka membacanya dalam Bahasa Melayu.

Siri pertama karya penulis Irene Adler akan diterbitkan dalam masa terdekat. *Wanita Berkelubung Hitam* adalah judul pertama siri *Saya, Sherlock dan Lupin* yang mempunyai beberapa kesinambungan lagi. Karya ini sesuai dengan pembaca remaja lelaki dan perempuan yang sukaan penyiasatan dan aksi. Plot penceritaan menarik membawa pembaca ke zaman klasik Itali dengan pelbagai pengembaraan yang mencabar.

Adunan genre penyiasatan, aksi, dan misteri dapat mengeluarkan pembaca terutama remaja daripada kebosanan. Ia membawa pembaca untuk turut sama berfikir dan membuatkan pembaca tertanya-tanya apa yang akan terjadi. Novel siri pertama ini juga mengandungi 26 bab secara keseluruhan. Antara kandungan yang terdapat dalam siri ini adalah *Tiga Sekawan*, *Seni Melarikan Diri*, *Rumah Ashcroft*, dan *Pantai yang Menggerikan*.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

Konsultan Buku PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my